



99

Annual Report  
Laporan Tahunan



GAMUDA BERHAD  
(29579-T)

**Notice of Annual General Meeting**

Ballroom of Kota Permai Golf and Country Club,  
No. 1, Jalan 31/100A, Section 31, Kota Kemuning,  
40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan on  
Tuesday, 4 January 2000 at 10.00 a.m.

**Notis Mesyuarat Agung Tahunan**

Ballroom, Kota Permai Golf and Country Club,  
No. 1, Jalan 31/100A, Seksyen 31, Kota Kemuning,  
40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada  
hari Selasa, 4 Januari 2000 pada pukul 10.00 pagi.



**From Left to Right / Dari Kiri ke Kanan:**

Kota Kemuning Township.

Perbandaran Kota Kemuning.

LDP Petaling Jaya Toll Plaza.

Plaza Tol LDP Petaling Jaya.

LDP Cable Bridge.

Jambatan Tambat Berkabel LDP.

Sg. Selangor Dam.

Empangan Air Sg. Selangor.

Megah Sewa.

Megah Sewa.





# Contents

## *k a n d u n g a n*

**2-3-4-5** Notice of Annual  
General Meeting  
*notis mesyuarat agung tahunan*

**6** Board of Directors  
*lembaga pengarah*

**7** Corporate Information  
*maklumat korporat*

**8-9** Audit Committee  
*jawatankuasa audit*

**10** 5 Years' Financial Highlights  
*maklumat penting kewangan  
5 tahun*

**11** Corporate Structure  
*struktur korporat*

**12-13** Chairman's Statement  
*penyata pengerusi*

**14-26** Review of Operations  
*tinjauan operasi*

**27-28** Gamuda Group Diary  
of Events 1999  
*takwim tahunan 1999  
kumpulan Gamuda*

**29-65-66-101**  
Financial Statements  
*penyata kewangan*

**102** List of Major  
Properties Held  
*senarai hartanah utama  
yang dimiliki*

**103** Analysis of Shareholdings  
*analisis pegangan saham*

**104** Other Information  
*lain-lain maklumat*

Form of Proxy  
*borang proksi*

## Notice of Annual General Meeting

**NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Twenty-Third Annual General Meeting of the Company will be held at the Ballroom of Kota Permai Golf and Country Club, No. 1, Jalan 31/100A, Section 31, Kota Kemuning, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan on Tuesday, 4 January 2000 at 10.00 a.m. for the following purposes:**

1. To receive and adopt the Directors' Report and the Audited Accounts for the year ended 31 July 1999 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon.
2. To declare a final dividend of 6% tax exempt for the year ended 31 July 1999.
3. To approve the payment of Director's fees in respect of the year ended 31 July 1999.
4. To re-elect the following Directors retiring pursuant to Article 64 of the Company's Articles of Association:-
  - a. YBhg Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim
  - b. Mr Heng Teng Kuang
  - c. Ms Wong Chin Yen
5. To re-appoint Messrs. Arthur Anderson & Co. as auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration.
6. As Special Business, to consider and, if thought fit, pass the following resolutions as ordinary resolutions:-
  - 6.1. Authority To Directors To Issue Shares
 

"THAT pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965, the Directors be and are hereby empowered to issue shares in the Company, at any time and upon such terms and conditions and for such purpose as the Directors may, in their absolute discretion, deem fit, provided that the aggregate number of shares issued pursuant to this resolution in any one financial year does not exceed 10% of the issued capital of the Company for the time being and that the Directors be and are also empowered to obtain approval for the listing of and quotation for the additional shares so issued on the Kuala Lumpur Stock Exchange and that such authority shall continue in force until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company;" and
  - 6.2. Authority To Directors On Purchase Of The Company's Own Shares
 

"THAT subject to the Companies Act, 1965 ("the Act"), rules, regulations and orders made pursuant to the Act, provisions of the Company's Memorandum and Articles of Association and the requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange ("KLSE") and any other relevant authority, the Directors of the Company be and are hereby authorised to make purchases of ordinary shares of RM1.00 each in the Company's issued and paid-up share capital through the KLSE subject further to the following:-

    - a. the maximum number of shares which may be purchased by the Company shall be equivalent to ten percent (10%) of the issued and paid-up share capital ("Shares") for the time being of the Company;
    - b. the maximum fund to be allocated by the Company for the purpose of purchasing the Shares shall not exceed the retained profits and/or the share premium account of the Company. As of 31 July 1999, the audited retained profits and share premium of the Company were RM194,043,377.00 and RM189,832,956.00 respectively;
    - c. the authority conferred by this resolution will commence immediately upon passing of this ordinary resolution and will expire at the conclusion of the next Annual General Meeting ("AGM") of the Company (unless earlier revoked or varied by ordinary resolution of the shareholders of the Company in general meeting or the expiration of the period within which the next AGM after that date is required by law to be held, whichever occurs first) but not so as to prejudice the completion of purchase(s) by the Company before the aforesaid expiry date and, in any event, in accordance with the provision of the guidelines issued by the KLSE or any other relevant authority; and
    - d. upon completion of the purchase(s) of the Shares by the Company, the Directors of the Company be and are hereby authorised to deal with the Shares in the following manner:-
      - i. cancel the Shares so purchased; or
      - ii. retain the Shares so purchased in treasury for distribution as dividend to the shareholders and/or resale on the KLSE; or
      - iii. retain part of the Shares so purchased as treasury shares and cancel the remainder,

and in any other manner as prescribed by the Act, rules, regulations and orders made pursuant to the Act and the requirements of the KLSE and any other relevant authority for the time being in force;

AND THAT the Directors of the Company be and are hereby authorised to take all such steps as are necessary or expedient to implement or to effect the purchase(s) of the Shares.”

7. To consider any other business of which due notice shall have been given.

#### **NOTICE OF ENTITLEMENT DATE AND DIVIDEND PAYMENT**

**NOTICE IS ALSO HEREBY GIVEN** that a final dividend of 6% tax exempt for the financial year ended 31 July 1999, if approved by the shareholders at the forthcoming Annual General Meeting will be paid on 26 January 2000.

The entitlement date shall be fixed on 14 January 2000 and a Depositor shall qualify for entitlement only in respect of:

- a. Shares transferred into the depositor's securities account before 12.30 p.m. on 14 January 2000 in respect of ordinary transfers;
- b. Shares bought on the Kuala Lumpur Stock Exchange on a cum entitlement basis according to the rules of the Kuala Lumpur Stock Exchange.

By Order of the Board

**YEO PHEK HIAH**  
**LIM SOO LYE**  
*Secretaries*

Petaling Jaya  
17 December 1999

#### **NOTES:**

1. A member of the Company who is entitled to attend and vote at this meeting is entitled to appoint a proxy to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company.
2. In the case of a corporate member, the instrument appointing a proxy shall be under its Common Seal or under the hand of its attorney.
3. The instrument appointing a proxy must be deposited at the Company's Registered Office situated at 55-61, Jalan SS22/23, Damansara Jaya, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia not less than forty-eight (48) hours before the time appointed for holding the meeting or any adjournment thereof.
4. **Explanatory Notes to Special Business**

##### **Resolution On Authority To Directors To Issue Shares**

The Proposed Resolution 6.1, if passed, will empower the Directors of the Company, from the date of the Annual General Meeting, to issue shares of the Company up to and not exceeding in total ten percent (10%) of the issued share capital of the Company for the time being for such purpose as they consider would be in the best interest of the Company. This authority, unless revoked or varied at a general meeting, will lapse at the next Annual General Meeting of the Company.

##### **Resolution On Authority To Directors On Purchase Of The Company's Own Shares**

The Proposed Resolution 6.2, if passed, will empower the Directors to exercise the power of the Company to purchase its own shares ("Proposed Share Buy Back") by utilising its financial resources not immediately required. The Proposed Share Buy Back may have a positive impact on the market price of the Company's shares. This authority, unless revoked or varied at a general meeting, will expire at the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company.

Further information on the Proposed Share Buy Back is set out in the Circular to the shareholders of the Company which is despatched together with the Company's Annual Report.

## n o t i s m e s y u a r a t a g u n g t a h u n a n

**ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Ke Dua Puluh Tiga akan diadakan di Ballroom, Kota Permai Golf and Country Club, No. 1, Jalan 31/100A, Seksyen 31, Kota Kemuning, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 4 Januari 2000 pada pukul 10.00 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:**

1. Untuk menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Akaun-akaun yang Diaudit bagi tahun berakhir 31 Julai 1999 beserta dengan Laporan Para Pengarah dan Juruaudit yang berkenaan.
2. Untuk mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 6% yang dikecualikan cukai bagi tahun berakhir 31 Julai 1999.
3. Untuk meluluskan bayaran yuran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999.
4. Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara selaras dengan Artikel 64, Tataurusan Syarikat:-
  - a. YBhg Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim
  - b. Encik Heng Teng Kuang
  - c. Cik Wong Chin Yen
5. Untuk melantik semula Tetuan Arthur Andersen & Co sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.
6. Sebagai Urusan Khas, untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan sesuai, meluluskan resolusi-resolusi berikut sebagai resolusi-resolusi biasa:-
  - 6.1. Kuasa kepada Para Pengarah untuk menerbitkan saham
 

“BAHAWA menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menerbitkan saham dalam Syarikat, pada sebarang masa, menurut terma-terma dan syarat-syarat dan untuk tujuan tersebut para Pengarah boleh, menurut pertimbangan mereka, sekiranya dianggap sesuai, dengan syarat bilangan agregat saham yang diterbitkan menurut resolusi ini dalam sebarang tahun kewangan, tidak melebihi 10% daripada modal terbitan Syarikat pada masa sekarang dan bahawa para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan bagi melaksanakan penyenaiaan dan sebut harga saham-saham tambahan yang diterbitkan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan kuasa sedemikian akan terus berkuatkuasa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang;” dan

- 6.2. Kuasa Kepada Para Pengarah Untuk Membeli Saham-saham Milik Syarikat Sendiri

“BAHAWA tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965 (“Akta”), peraturan dan arahan yang dikeluarkan menurut Akta tersebut, peruntukan Memorandum dan Tataurusan Syarikat serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (“BSKL”) dan pihak lain yang berkaitan, para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk membeli saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam modal saham terbitan dan berbayar Syarikat melalui BSKL, tertakluk kepada berikut:-

- a. bilangan maksima saham yang mungkin dibeli oleh Syarikat adalah bersamaan sepuluh peratus (10%) modal saham terbitan dan berbayar (“Saham”) Syarikat pada masa ini.
- b. dana maksima yang akan diperuntukkan oleh Syarikat untuk tujuan pembelian Saham adalah tidak melebihi keuntungan tersimpan dan/atau akaun premium saham Syarikat. Pada 31 Julai 1999, keuntungan tersimpan Syarikat yang telah diaudit dan premium saham Syarikat masing-masing adalah sebanyak RM194,043,377.00 dan RM189,832,956.00.
- c. Kuasa yang diberikan berikutan resolusi ini bermula serta-merta dengan kelulusan resolusi biasa ini dan akan luput pada akhir Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat (“AGM”) akan datang (melainkan dibatalkan atau dipinda terlebih dahulu oleh resolusi biasa para pemegang saham Syarikat di mesyuarat agung atau apabila tempohnya berakhir di mana AGM selepas itu perlu diadakan seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, mana satu berlaku dahulu) tetapi bukan untuk menjejaskan penyempurnaan pembelian oleh Syarikat sebelum tarikh luput tersebut dan menurut peruntukan garis panduan yang dikeluarkan oleh BSKL atau pihak berkuasa lain yang berkaitan; dan
- d. Apabila sempurnanya pembelian Saham oleh Syarikat, para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa menguruskan Saham mengikut cara-cara berikut:-
  - i. membatalkan Saham yang dibeli; atau
  - ii. menyimpan Saham yang dibeli dalam perbendaharaan untuk diagihkan sebagai dividen kepada para pemegang saham dan/atau dijual semula di BSKL; atau
  - iii. menyimpan sebahagian daripada Saham yang dibeli sebagai saham perbendaharaan dan membatalkan bakinya,

dan mengikut cara-cara yang ditetapkan oleh Akta, peraturan dan arahan yang dikeluarkan menurut Akta tersebut dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh BSKL dan pihak berkuasa lain yang berkaitan pada masa ini;

DAN BAHAWA para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa mengambil semua langkah yang wajar untuk melaksanakan atau memulakan penjualan Saham tersebut.”

7. Untuk mempertimbangkan sebarang urusan lain di mana notis sewajarnya diberikan.

#### **NOTIS TARIKH KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN**

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN** bahawa dividen akhir 6% yang dikecualikan daripada cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang akan dibayar pada 26 Januari 2000.

Tarikh kelayakan akan ditetapkan pada 14 Januari 2000 dan Pendeposit mempunyai kelayakan bagi:

- Saham-saham yang dipindahkan ke dalam akaun sekuriti pendeposit sebelum pukul 12.30 tengah hari pada 14 Januari 2000 bagi pindahan biasa;
- Saham-saham yang dibeli di Bursa Saham Kuala Lumpur berasaskan kelayakan beserta menurut peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**YEO PHEK HIAH**  
**LIM SOO LYE**  
Setiausaha-setiausaha

Petaling Jaya  
17 Disember 1999

#### **NOTA-NOTA:**

- Seorang ahli Syarikat yang layak untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat ini adalah layak untuk melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
- Sekiranya ahli korporat, suratcara perlantikan proksi perlu dilaksanakan di bawah Meterai Rasmi atau di bawah kuasa peguamnya.
- Suratcara perlantikan seseorang proksi perlu dihantar ke Pejabat Berdaftar Syarikat yang terletak di 55-61, Jalan SS22/23, Damansara Jaya, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia tidak lewat dari empat puluh lapan (48) jam sebelum masa mesyuarat ditetapkan atau pada sebarang penangguhannya.
- Nota-nota Keterangan bagi Urusan Khas**

##### **Resolusi Mengenai Kuasa Kepada Para Pengarah Untuk Menerbitkan Saham**

Cadangan Resolusi 6.1, sekiranya diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat, pada tarikh berlangsungnya Mesyuarat Agung Tahunan, untuk menerbitkan saham dalam Syarikat sehingga tidak melebihi jumlah sepuluh peratus (10%) modal saham terbitan Syarikat pada masa ini untuk tujuan yang difikirkan adalah untuk kepentingan Syarikat. Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau dipinda di mesyuarat agung, akan luput di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang.


##### **Resolusi Mengenai Kuasa Kepada Para Pengarah Untuk Membeli Saham-saham Milik Syarikat Sendiri**

Cadangan Resolusi 6.2, sekiranya diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah bagi menjalankan kuasa Syarikat untuk membeli saham-sahamnya sendiri (“Cadangan Beli Balik Saham”) dengan menggunakan sumber kewangannya yang tidak diperlukan buat masa ini. Cadangan Beli Balik Saham mungkin memberi kesan positif ke atas harga pasaran saham Syarikat. Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau dipinda di mesyuarat agung, akan luput pada akhir Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang.

Maklumat Lanjut mengenai Cadangan Beli Balik Saham boleh didapati dalam Surat Pekeliling yang diedarkan kepada para pemegang saham Syarikat yang dilampirkan bersama Laporan Tahunan Syarikat.

## Board of Directors

*l e m b a g a p e n g a r a h*



### BOARD OF DIRECTORS / LEMBAGA PENGARAH

1. YBhg Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim – *Chairman / Pengerusi*
2. YBhg Dato' Lin Yun Ling – *Managing Director / Pengarah Urusan*
3. YBhg Dato' Kamarul Zaman bin Mohd Ali
4. Wong Chin Yen
5. YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah
6. Saw Wah Theng
7. Heng Teng Kuang
8. Ha Tiing Tai
9. Chan Kuan Nam @ Chan Yong Foo
10. Ng Kee Leen
11. Goon Heng Wah





## Corporate Information

### *m a k l u m a t k o r p o r a t*

#### **SECRETARIES / SETIAUSAHA-SETIAUSAHA**

Lim Soo Lye

Yeo Phek Hiah

#### **REGISTERED OFFICE / PEJABAT BERDAFTAR**

55-61, Jalan SS22/23  
 Damansara Jaya, 47400 Petaling Jaya  
 Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
 Telephone / *Telefon* : 03-7198094  
 Facsimile / *Faksimili* : 03-7189811

#### **AUDITORS / JURUAUDIT**

Arthur Andersen & Co  
 Public Accountants / *Akauntan Awam*  
 Certified Public Accountants  
*Akauntan Awam Bertauliah*

#### **BANKERS / BANK-BANK**

Malayan Banking Berhad

Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad

The Pacific Bank Berhad

Public Bank Berhad

#### **REGISTRAR / PENDAFTAR SAHAM**

Insurban Corporate Services Sdn. Bhd.

#### **STOCK EXCHANGE LISTING / PENYENARAIAAN BURSA SAHAM**

The Kuala Lumpur Stock Exchange  
*Bursa Saham Kuala Lumpur*



## Audit Committee

### COMPOSITION AND DESIGNATION OF THE AUDIT COMMITTEE

#### **YBhg Tan Sri Dato' Ir Talha bin Haji Mohd Hashim**

*Chairman of Audit Committee*

*Member (Independent Non-Executive Director)*

#### **Ms Wong Chin Yen**

*Member (Independent Non-Executive Director)*

#### **Mr Ng Kee Leen**

*Member (Executive Director)*

### TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE

#### **Objectives**

The principal objectives of the Committee are to protect the interest of the investing and depositing public and to have a more effective corporate governance.

#### **Meetings**

The Committee shall hold at least two regular meetings per year, and such additional meetings as the Chairman shall decide in order to fulfill its duties and if requested to do so by any committee member, the Management or the internal or external auditors. The Committee may invite any person to be in attendance to assist it in its deliberations.

A quorum shall consist of a majority of non-executive committee members and shall not be less than two.

The Company Secretary shall act as Secretary of the Committee.

#### **Authority**

In carrying out their duties and responsibilities, the Audit Committee will in principle have full, free and unrestricted access to all the Company's records, properties and personnel.

#### **Duties**

The duties of the Committee shall be:

- i. Reviewing the effectiveness of management information and other systems of internal control within the Company and the Group.
- ii. Reviewing management's compliance with established policies, plans, procedures, laws and regulations.
- iii. Reviewing with the External Auditors the scope of their audit plan, their evaluation of the system of internal control and the audit reports on the financial statements.
- iv. Reviewing the interim and annual financial statements with management and external Auditors prior to approval by the Board.
- v. Reviewing the scope and results of the internal audit reports and the effectiveness of the internal audit function.
- vi. Reviewing and evaluating factors relating to the independence of the External Auditors and providing a framework within which the External Auditors can assert their independence.
- vii. To approve the selection and remuneration of the external auditors.

# j a w a t a n k u a s a a u d i t

## **KOMPOSISI DAN PERLANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT**

**YBhg Tan Sri Dato' Ir  
Talha bin Haji Mohd Hashim**

*Pengerusi Jawatankuasa Audit  
Ahli (Pegarah Berkecuali Bukan Eksekutif)*

**Cik Wong Chin Yen**

*Ahli (Pegarah Berkecuali Bukan Eksekutif)*

**Encik Ng Kee Leen**

*Ahli (Pegarah Eksekutif)*

## **SYARAT-SYARAT RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT**

### **Matlamat**

Matlamat utama Jawatankuasa ialah untuk melindungi kepentingan pelabur-pelabur awam serta memastikan pentadbiran korporat yang lebih efektif.

### **Mesyuarat-mesyuarat**

Jawatankuasa akan mengadakan sekurang-kurangnya dua mesyuarat tetap setiap tahun, termasuk mesyuarat tambahan yang dianggap perlu oleh Pengerusi untuk memenuhi tanggungjawab Jawatankuasa dan jika diminta oleh mana-mana ahli jawatankuasa, pihak Pengurusan atau juruaudit dalaman atau luaran. Jawatankuasa boleh menjemput sesiapa sahaja yang diperlukan untuk membantu di dalam perbincangannya.

Korum akan mengandungi bilangan majoriti ahli-ahli jawatankuasa bukan eksekutif dan tidak kurang dari dua orang ahli.

Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa.

### **Kuasa**

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, Jawatankuasa Audit pada prinsipnya diberi kuasa penuh dan berhak meneliti semua rekod-rekod, hartanah serta kakitangan syarikat.

### **Tugas-tugas**

Tugas-tugas Jawatankuasa adalah:


- i. Mengkaji keberkesanan maklumat pengurusan dan lain-lain sistem kawalan dalaman di dalam Syarikat dan Kumpulan.
- ii. Mengkaji penyesuaian pengurusan, mematuhi polisi-polisi, rancangan-rancangan, prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- iii. Mengkaji bersama Juruaudit Luaran mengenai skop rancangan audit mereka serta penilaian sistem kawalan dalaman dan laporan audit penyata kewangan.
- iv. Mengkaji penyata kewangan interim dan tahunan bersama pihak pengurusan dan Juruaudit Luaran sebelum diluluskan oleh Lembaga Pegarah.
- v. Mengkaji skop dan keputusan laporan audit dalaman serta keberkesanan fungsi audit dalaman.
- vi. Mengkaji dan menilai faktor-faktor yang berkaitan dengan kebebasan Juruaudit Luaran serta menyediakan rangka kerja yang membolehkan Juruaudit Luaran menegaskan pendirian mereka.
- vii. Untuk meluluskan pemilihan serta ganjaran Juruaudit Luaran.

## 5 Years' Financial Highlights


m a k l u m a t p e n t i n g k e w a n g a n 5 t a h u n

	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000
Turnover <i>Perolehan</i>	368,724	585,743	792,187	681,175	<b>510,428</b>
Profit Before Tax <i>Keuntungan Sebelum Cukai</i>	52,030	82,618	131,033	110,033	<b>143,033</b>
Total Asset <i>Jumlah Aset</i>	384,500	462,679	988,376	1,022,170	<b>1,161,162</b>
Net Tangible Assets <i>Aset Ketara Bersih</i>	180,738	239,844	618,682	672,609	<b>806,420</b>
Net Tangible Assets per Share (sen) <i>Aset Ketara Bersih Sesaham (sen)</i>	200	263	214	232	<b>273</b>
Group Earnings per Share (sen) <i>Pendapatan Sesaham Kumpulan (sen)</i>	16.1	24.6	33.3	26.8	<b>48</b>
Total Number of Shares <i>Jumlah Saham</i>	90,508	91,681	289,083	289,696	<b>295,904</b>
Profit After Tax <i>Keuntungan Selepas Cukai</i>	34,489	55,480	89,189	77,562	<b>138,328</b>
Shareholders' Fund <i>Dana Pemegang Saham</i>	186,296	245,377	624,190	678,093	<b>811,879</b>


**Turnover / Perolehan**  
RM Million / RM Juta




**Profit Before Taxation / Keuntungan Sebelum Cukai**  
RM Million / RM Juta



**Shareholder's Fund / Dana Pemegang Saham**  
RM Million / RM Juta



**Earnings Per Ordinary Share / Pendapatan Sesaham**  
RM Million / RM Juta



## Corporate Structure

s t r u k t u r k o r p o r a t



### Gamuda Group of Companies Kumpulan Syarikat Gamuda



#### Gamuda Berhad\*

##### Expressway Tolling & Management

*Kutipan Tol & Pengurusan Lebuhraya*

- Kesas Holdings Bhd (30%)
- Lingkaran Trans Kota Holdings Bhd (39.05%)
- Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (30%)
- Madang Permai Sdn Bhd (36%)

##### Water Supply

*Bekalan Air*

- Syarikat Pengeluar Air Sg Selangor Sdn Bhd (SPLASH) (30%)

##### Construction & Civil Engineering

*Pembinaan & Kejuruteraan Awam*

- Gammau Construction Sdn Bhd (100%)
- Masterpave Sdn Bhd (100%)
- Ganaz Bina Sdn Bhd (100%)

##### Property Development

*Pembangunan Hartanah*

- Hicom Gamuda Development Sdn Bhd (50%)
- Danau Permai Resort Bhd (50% through Hicom Gamuda Development Sdn Bhd)
- Valencia Development Sdn Bhd (formerly known as Seni Pasifik Sdn Bhd) (80%)

##### Manufacturing Quarrying, Plant Hire & Others

*Perkilangan, Perkuarian, Penyewaan Loji & Lain-lain*

- Gamuda Paper Industries Sdn Bhd (90%)
- G.B. Kuari Sdn Bhd (70% through Ganaz Bhd)
- Megah Sewa Sdn Bhd (100%)

##### Investment

*Pelaburan*

- Gamuda Overseas Investment Ltd (100%)
- Megah Capital Sdn Bhd (100%)

##### Information Technology

*Teknologi Maklumat*

- GIT Services Sdn Bhd (100%)

\* Listed on the Main Board of the KLSE  
Tersenarai di Papan Utama BSKL

# Chairman's Statement

*p e n y a t a   p e n g e r u s i*

**I am very pleased to present, on behalf of the Board of Directors, Gamuda's Annual Report and the Audited Accounts for the financial year ended 31 July 1999.**

***Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Gamuda yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999.***



**TAN SRI DATO' IR TALHA BIN  
HAJI MOHD HASHIM**  
*Chairman / Pengerusi*

## Chairman's Statement (cont'd.)

### p e n y a t a   p e n g e r u s i   ( s a m b . )

Despite a tough economic climate, 1999 has been an excellent year for Gamuda, a year of record achievements;

- Profit before tax rose to a record RM143 million, up 30%
- Earnings per share grew 78% to RM0.476
- Net tangible assets per share rose 17% to RM2.73

Our continuing efforts to boost our operational efficiency as well as our long term investments in our toll concessions are starting to bear fruit. The year also saw the following major achievements;

- Successful start of construction of Lebuhraya Sprint
- Official opening of the Lebuhraya Damansara Puchong
- The award of the privatisation of the Sg. Selangor Water Supply Scheme Phase 3 (SSP3)

Our overall financial health continues to remain strong, bolstered by our RM215 million cash position.

#### FINANCIAL REVIEW

Profit before tax increased to RM143 million, which is a 30% increase from the previous year. Revenues were RM510 million, a decrease of 25% over last year, due mainly to the delayed construction start of Lebuhraya SPRINT.

Earnings quality continued to improve and a combination of better operational efficiency and increased toll contributions saw net margins rising to 28% from 16% last year.

Meskipun menempuhi keadaan ekonomi yang mencabar, Gamuda berjaya mempamerkan pencapaian dan rekod prestasi yang unggul pada tahun 1999;

- Keuntungan sebelum cukai naik 30% kepada RM143 juta
- Pendapatan sesaham meningkat 78% kepada RM0.476
- Aset ketara bersih sesaham naik 17% kepada RM2.73

Usaha-usaha kami selama ini demi meningkatkan kecekapan operasi dan pelaburan jangka panjang dalam konsesi tol mula membuahkan hasil. Tahun kajian juga memperlihatkan pencapaian-pencapaian penting berikut;

- Kejayaan pembinaan awal projek Lebuhraya Sprint
- Pembukaan rasmi Lebuhraya Damansara Puchong
- Tawaran projek penswastaaan Skim Bekalan Air Sg. Selangor Fasa 3 (SSP3)

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan kami adalah semakin kukuh dengan dibantu oleh simpanan tunai sebanyak RM215 juta.

#### TINJAUAN KEWANGAN


Keuntungan sebelum cukai meningkat RM143 juta, peningkatan 30% berbanding tahun sebelumnya. Hasil perolehan susut 25% kepada RM510 juta berbanding tahun sebelumnya berikutan penundaan kerja-kerja pembinaan awal Lebuhraya SPRINT.

Kualiti pendapatan terus meningkat dan hasil gabungan kecekapan operasi dan penambahan sumbangan kutipan tol, margin keuntungan bersih meningkat kepada 28% berbanding 16% pada tahun lalu.

The 4 privatised expressways of the Gamuda Group.

Keempat-empat lebuhraya swasta Kumpulan Gamuda.

#### 1999 Segmental Earnings / Pembahagian Pendapatan 1999




■ Construction /  
Pembinaan

■ Expressway, Tolling  
& Management /  
Kutipan Tol &  
Pengurusan Lebuhraya

■ Property Development /  
Pembangunan Hartanah

■ Manufacturing,  
Quarrying & Plant Hire /  
Perkilangan, Perkuarian  
& Penyewaan Loji



# Review of Operations

t i n j a u a n o p e r a s i

## REVIEW OF OPERATIONS

The major business activities during the year were;

- construction
- expressway tolling and management
- property development and;
- manufacturing, quarrying and plant hire

## CONSTRUCTION

The construction sector continued to be the major contributor (46%) of the group's earnings.

### Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)

After more than two years of intensive construction activity, the LDP, which is the group's second privatised expressway, was successfully completed. While the difficult economic climate affected the progress of many other projects, the LDP was completed well ahead of schedule in December 1998. This has demonstrated yet again the Group's strong operational capability and unwavering commitment to meeting targets.

Completion of the LDP has provided a free-flow north-south link in west Klang Valley, bringing disparate economic centres closer together, and enabling their full economic and social potential to be realised.

### Lebuhraya Sprint

Construction work for Lebuhraya Sprint began in December 1998, after financing arrangements were completed by Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (SPRINT), the expressway concessionaire which is an associate company of the Group.

The project, which is the Group's third privatised expressway, is being implemented in 2 phases. Phase one, to be completed in early 2001 involves the construction of the Damansara-Semantan and the Duta-Kerinci links. In the second phase, the 5 km Penchala link will be built, providing a new direct link from Sungai Penchala in the west to Jalan Duta in the east.

Construction works are currently progressing ahead of schedule, with much emphasis placed on minimising traffic disruption and inconveniencing road users. Landscaping is being given special attention to ensure that not only are existing greenery maintained, but much improved upon for the future.

Gamuda-Mujur Minat, a joint venture in which Gamuda is the majority partner, is the turnkey contractor.



#### Top / Atas:

The Sunway Interchange of the LDP.

*Persimpangan Bertingkat LDP Sunway.*

#### Bottom / Bawah:

The ex-mining pond at Bandar Sunway before the LDP Sunway Interchange was constructed.

*Bekas lombong korek di Bandar Sunway sebelum Persimpangan Bertingkat LDP Sunway dibina.*

#### Bottom Left / Bawah Kiri:

The LDP has accelerated the social and economic growth of the Penchala area by connecting townships.

*LDP membantu memesatkan pertumbuhan sosial dan ekonomi kawasan Penchala dengan menghubungkan perbandaran-perbandaran di situ.*


#### Bottom Right / Bawah Kanan:

The Penchala area, undeveloped before LDP.

*Kawasan Penchala yang belum dibangunkan sebelum pembinaan LDP.*







Lebuhraya Sprint's double decker viaduct.  
Jejambatan dua tingkat Lebuhraya Sprint.



Construction of  
Kiara Interchange.  
Pembinaan Persimpangan  
Bertingkat Kiara.

### TINJAUAN OPERASI

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama dalam tahun kajian ialah;

- pembinaan
- kutipan tol dan pengurusan lebuhraya
- pembangunan hartanah dan;
- perkilangan, perkuarian dan penyewaan loji

### PEMBINAAN

Sektor ini terus bertindak sebagai penyumbang utama kepada pendapatan kumpulan (46%).

#### Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)

Setelah lebih dua tahun kerja-kerja pembinaan giat dijalankan, LDP, lebuhraya swasta kedua kumpulan telah berjaya disiapkan. Meskipun keadaan ekonomi yang sukar telah menjejaskan proses dan perkembangan kebanyakan projek lain, LDP berjaya disiapkan lebih awal dari jadual iaitu pada Disember 1998. Ini sekali lagi membuktikan keupayaan mantap Kumpulan dari segi operasi dan iltizam kami yang jitu dalam memenuhi sasaran yang telah ditetapkan.

Dengan penyiapan LDP, para pengguna dapat menikmati laluan utara-selatan yang bebas daripada kesesakan lalu lintas di bahagian barat Lembah Klang. LDP juga menghubungkan pusat-pusat ekonomi yang berbeza dan terpisah serta membantu merealisasikan sepenuhnya potensi ekonomi dan sosial pusat-pusat tersebut.

#### Lebuhraya Sprint

Kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Sprint bermula pada Disember 1998 selepas Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd (SPRINT), pemegang konsesi lebuhraya yang juga syarikat bersekutu Kumpulan menyelesaikan perkara-perkara yang berhubung dengan pembiayaannya.

Pelaksanaan lebuhraya swasta ketiga Kumpulan ini dijalankan dalam 2 peringkat. Fasa pertama yang meliputi pembinaan laluan Damansara-Semantan dan laluan Duta-Kerinchi dijangka siap pada awal tahun 2001. Manakala fasa kedua meliputi pembinaan laluan Penchala sepanjang 5 km yang bertindak sebagai laluan terus yang baru dari Sungai Penchala di sebelah barat hingga ke Jalan Duta di sebelah timur.

Kerja-kerja pembinaan berjalan lancar lebih awal dari yang dijadualkan dengan menitikberatkan pengurangan gangguan lalu lintas dan kesulitan kepada para pengguna jalan raya. Lanskap lebuhraya diberi perhatian khusus bukan sekadar bagi mengekalkan kehijauannya, malah untuk memperbaiki dan mengindahkan lagi lanskap untuk masa akan datang.

Gamuda-Mujur Minat, usahasama di mana Gamuda merupakan rakan kongsi utama, bertindak sebagai kontraktor siap guna projek ini.



#### Top / Atas:

Construction of Kerinchi Link linking the Federal Highway to Jalan Damansara and Jalan Duta.

Pembinaan Kerinchi Link yang menghubungkan Lebuhraya Persekutuan dengan Jalan Damansara dan Jalan Duta.

#### Bottom / Bawah:

Our engineers at the construction site.

Jurutera-jurutera kami di tapak pembinaan.

## EXPRESSWAY TOLLING AND MANAGEMENT

Toll earnings from expressway operations has grown substantially, contributing a significant 22% of the Group's total earning.

### Lebuhraya Damansara Puchong

This expressway was officially opened to the public on 25 January 1999.

Traffic volumes have grown steadily and strongly at all four toll plazas, showing the public's acceptance of the benefits of faster, more convenient and safer travel on the LDP.

Previously travel between areas like Puchong and Petaling Jaya took 30 to 45 minutes. This has been dramatically reduced to a 5 minute drive with the Sunway link. Also, motorists who used to face a 20-30 minute delay at peak hours to cross the Motorola Interchange can now do so in a few minutes by using the cable-stayed bridge, which has become a distinctive landmark in Petaling Jaya.

In the north, motorists between Sungai Buluh and Kepong, and Petaling Jaya have similarly benefited with a 10-minute trip instead of a 30-minute journey.

For travel to the new federal administrative capital at Putrajaya, the LDP offers the most direct and efficient access from Petaling Jaya or the city, assisting in the further opening up of this southern growth corridor of the Klang Valley.

Conscious of our obligations to the local community, 7 additional pedestrian bridges, in excess of the 6 originally required by the authorities, have been built by Litrak for the public's convenience and safety.

### Lebuhraya Shah Alam (LSA)

In accordance with the concession agreement, Kesas, the concessionaire and expressway operator, was granted the scheduled toll increase in March 1999, demonstrating the government's continuing commitment to the industry.

The outlook for future growth is good. With the completion and further improvement of the eastern alignment of the Middle Ring Road 2 (MRR2) traffic seeking to avoid the congested inner city roads will choose to use the LSA for travel in the south and south-west of the city.

Furthermore, with the economy showing clear signs of recovery, increasing activities at Westport and further developments along and beyond the expressway corridors, there are strong prospects for future growth on this crucial east-west link.

**Bottom Left / Bawah Kiri:**  
Petaling Jaya Toll Plaza, LDP.  
*Plaza Tol LDP, Petaling Jaya.*

**Bottom Right / Bawah Kanan:**  
(Left to Right) Dato' Dr Hadenan Jalil, Dato' Seri S. Samy Vellu, Tan Sri Dr Ir Wan Abdul Rahman and Dato' Railey Jeffri giving a thumbs up for FASTRAK.

*(Kiri ke Kanan) Dato' Dr Hadenan Jalil, Dato' Seri S. Samy Vellu, Tan Sri Dr Ir Wan Abdul Rahman dan Dato' Railey Jeffri menunjukkan tanda sokongan mereka kepada FASTRAK.*



Kota Kemuning Interchange, LSA.  
Persimpangan Bertingkat Kota Kemuning, LSA.



### **KUTIPAN TOL DAN PENGURUSAN LEBUHRAYA**

Pendapatan yang diperolehi hasil kutipan tol di lebuhraya telah bertambah dengan ketara dengan menyumbang 22% daripada pendapatan Kumpulan secara keseluruhannya.

#### **Lebuh Raya Damansara Puchong**

Lebuh raya ini dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada 25 Januari 1999.

Volum lalu lintas yang kian bertambah di keempat-empat plaza tol membuktikan orang ramai sememangnya inginkan perjalanan yang lebih cepat, mudah dan selamat melalui LDP.

Sebelum ini, perjalanan di antara kawasan-kawasan seperti Puchong dan Petaling Jaya mengambil masa 30 hingga 45 minit tetapi dengan adanya laluan Sunway, ianya hanya memakan masa 5 minit sahaja. Selain itu, para pemandu yang sebelum ini terpaksa mengambil masa 20-30 minit untuk menyeberangi Persimpangan Motorola semasa kesibukan lalu lintas kini hanya mengambil masa beberapa minit sahaja dengan adanya jambatan tambat berkabel. Jambatan tersebut kini menjadi mercu tanda bandar Petaling Jaya.

Di bahagian utara, para pemandu yang menggunakan laluan di antara Sungai Buluh dan Kepong, serta Petaling Jaya juga dapat menjimatkan masa perjalanan mereka kepada 10 minit sahaja berbanding 30 minit sebelum ini.

Bagi perjalanan ke pusat pentadbiran persekutuan yang baru di Putrajaya, LDP menawarkan laluan terus yang paling cekap dari Petaling Jaya atau bandar tersebut, sekali gus membantu membuka dan memperkenalkan lagi koridor yang terletak di selatan Lembah Klang ini.

Menyedari tanggungjawab kami terhadap masyarakat setempat, 7 lagi jejantas baru telah dibina oleh Litrak selain 6 jejantas sedia ada bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa untuk kemudahan dan keselamatan orang ramai.

#### **Lebuh Raya Shah Alam (LSA)**

Selaras dengan perjanjian konsesi, Kesyahbandar sebagai pemegang konsesi dan pengendali lebuh raya telah berjaya memperolehi kebenaran untuk menaikkan kadar bayaran tol pada Mac 1999. Ini membuktikan iltizam berterusan kerajaan terhadap industri ini.

Prospek pertumbuhan masa depan kelihatan cerah. Dengan penyiapan dan peningkatan kerja-kerja penyamaan bahagian utara Lingkaran Tengah 2 (MRR2), para pemandu yang ingin mengelakkan kesesakan lalu lintas di bahagian tengah bandaraya akan memilih untuk menggunakan LSA bagi perjalanan di selatan dan barat daya bandaraya.

Di samping itu, lebuh raya utara-barat yang utama ini mempunyai prospek yang cerah untuk pertumbuhan akan datang berikutan tanda-tanda pemulihan ekonomi negara, peningkatan aktiviti di Westport dan pembangunan seterusnya di sepanjang dan seberang koridor lebuh raya.



LDP Cable Bridge.

Jambatan Tambat Berkabel LDP.



Friendly and courteous service at the LDP Toll Plaza.

Layanan mesra lagi bersopan di Plaza Toll LDP.



Kota Kemuning township.  
Perbandaran Kota Kemuning.

### PROPERTY DEVELOPMENT

Earnings from property development continues to be a key contributor to the group, representing 30% of the Group's total earnings, through its 50% owned associate, Hicom Gamuda Development Sdn Bhd.

During the year the company concentrated on construction and planning activities. Construction activity was in full swing with the 2,300 houses and commercial units sold in previous years being completed as well as the major infrastructure and landscaping projects which were needed to be in place for handing over to purchasers.

The opportunity was taken during the downturn period to consolidate and plan for future launches. Approval has been obtained from the authorities to launch another 2,900 units over the next 2 years on part of the remaining undeveloped land.

With the introduction of new policies by the government to help the housing industry, resulting in improved end-financing facilities and lower interest rates, market conditions are now very positive with house prices starting to recover from January 1999.

Secondary market transactions of Kota Kemuning houses are now fetching substantial premiums over previous developer's prices. Furthermore, the recent launches of medium cost apartments, townhouses and double storey houses were very quickly taken up.

In the light of these favourable market conditions and the strong interest in our residential properties, more launches and sales are planned for next year.



Medium cost apartments.  
Pangsapuri kos sederhana.



Playgrounds and spacious walkways at Kota Kemuning township.  
Taman permainan dan laluan pejalan kaki yang luas di perbandaran Kota Kemuning.



View of lake with rows of shop offices.  
Pemandangan tasik dengan deretan kedai pejabat.



The Kota Permai Golf & Country Club is conveniently located near the Kota Kemuning commercial and residential area.

*Kota Permai Golf & Country Club terletak secara strategik berhampiran kawasan komersil dan kediaman Kota Kemuning.*

### **PEMBANGUNAN HARTANAH**

*Pendapatan daripada pembangunan hartanah terus menjadi penyumbang utama kepada kumpulan dengan menyumbangkan sebanyak 30% daripada pendapatan keseluruhan Kumpulan melalui syarikat bersekutu 50% miliknya, Hicom Gamuda Development Sdn Bhd.*

*Dalam tahun kajian, syarikat menumpukan perhatian terhadap aktiviti-aktiviti pembinaan dan perancangannya. Aktiviti pembinaan berjalan lancar di mana sebanyak 2,300 unit perumahan dan komersil yang telah dijual pada tahun-tahun sebelumnya, berjaya disiapkan termasuklah projek-projek prasarana dan lanskap utama yang perlu disiapkan untuk diserahkan kepada pembeli.*

*Kumpulan mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi untuk memperkukuhkan dan merancang pelancaran-pelancaran projek akan datang. Kelulusan telah diperolehi dari pihak berkuasa untuk melancarkan sebanyak 2,900 unit lagi sepanjang 2 tahun akan datang di kawasan tanah yang masih belum dibangunkan.*

*Hasil usaha kerajaan yang telah memperkenalkan dasar-dasar baru bagi membantu industri perumahan telah membawa kepada peningkatan kemudahan pembiayaan akhir dan kadar faedah yang lebih rendah. Berikutan itu, keadaan pasaran kini berada pada tahap yang amat menggalakkan di mana harga rumah didapati kian pulih bermula Januari 1999.*

*Melalui urus niaga peringkat kedua, perumahan Kota Kemuning kini dijual pada harga yang lebih tinggi mengatasi harga-harga pemaju sebelum ini. Seterusnya, pelancaran pangsapuri kos sederhana, rumah bandar dan rumah dua tingkat baru-baru ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan.*

*Berdasarkan keadaan pasaran yang memberangsangkan ini ditambah dengan sambutan yang menggalakkan untuk hartanah kediaman, banyak lagi pelancaran dan jualan sedang dirancang untuk tahun depan.*

#### **Top / Atas:**

Row of Semi Detached houses.

*Deretan rumah Berkembar.*

#### **Bottom / Bawah:**

The Gerbang, presents an impressive entrance to Kota Kemuning.

*Gerbang yang tersergam indah sebagai pintu masuk ke Kota Kemuning.*



#### **Bottom Left/ Bawah Kiri:**

The beautifully designed and landscaped path towards the lakeside.

*Lanskap laluan ke kawasan tasik dihias indah lagi menarik.*

#### **Bottom Right / Bawah Kanar:**

Lushly landscaped walkways.

*Laluan pejalan kaki diserikan dengan lanskap yang indah dan menghijau.*





Megah Sewa's building and plant at Kota Kemuning.  
*Bangunan dan loji jentera Megah Sewa di Kota Kemuning.*

### **MANUFACTURING, QUARRYING, PLANT HIRE & OTHERS**

This sector continues to turn in a consistent performance, contributing 2% to the Group's total earnings.

By staying focussed on maintaining its product quality, improving productivity

and careful cost management, GB Kuari has managed to maintain its business volumes and profitability. This achievement was all the more commendable considering that there was a general slump in the quarrying industry caused by the construction slowdown.

